

DDI penanda aras jana jumlah pelaburan

Kerajaan komited perkasa ekonomi domestik hadapi cabaran global

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan menetapkan Pelaburan Langsung Domestik (DDI) kini menjadi sebagai di antara Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi menjana jumlah pelaburan negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, berkata langkah itu adalah usaha kerajaan untuk merencanakan landskap pelaburan negara.

"Keputusan ini dibuat ketika Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara Kedua (MPN/02/2023) di Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), semalam.

"Kerajaan, khususnya melalui MITI, komited untuk sentiasa mengimbangi kedua-dua pelaburan langsung asing (FDI) dan DDI bagi merangsang pembangunan

yang lestari dan seimbang di seluruh negara.

"Kewujudan ekosistem perindustrian domestik secara lebih strategik amat penting, bukan sahaja bagi menjana pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mampan, tetapi juga bagi memperkasakan ekosistem ekonomi domestik dalam menghadapi pelbagai cabaran global, termasuk ancaman perubahan iklim, serta pelbagai cabaran pasca pandemik dan geopolitik yang menyebabkan rantaian bekalan terganggu, harga bahan mentah meningkat dan kadar inflasi global yang tinggi," katanya dalam kenyataan semalam.

Laksana pelbagai inisiatif

Perdana Menteri berkata, pelaburan DDI yang strategik juga berpotensi untuk menarik lebih FDI kerana pelabur asing sentiasa mengangap DDI sebagai penanda aras bagi keyakinan dan komitmen pelabur domestik terhadap dasar kerajaan bagi memantapkan landskap pelaburan dan perniagaan negara.

Katanya, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan peningkatan



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara Kedua (MPN/02/2023) di Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)



DDI, namun berpendapat bahawa usaha meningkatkan DDI perlu lebih menyeluruh.

"Sehubungan itu, mesyuarat MPN hari ini (semalam) juga menekankan salah satu mesej Ekonomi MADANI yang diumumkan pada 27 Julai lalu iaitu mengenai betapa pentingnya kerjasama dan pembabitan strategik oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk memperkasakan DDI.

"Secara keseluruhannya, GLIC hari ini mengurus aset pelaburan bernilai lebih RM1.7 trilion, dan memainkan peranan yang penting bukan sahaja bagi memacu pembangunan infrastruktur kritikal, dan membolehkan pertumbuhan pelbagai sektor ekonomi baharu, tetapi juga bagi mem-

bantu menarik pelabur asing ke Malaysia.

"MPN mengakui bahawa DDI dan FDI mempunyai kebergantungan antara satu sama lain dan saling melengkapi. FDI penting bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi manakala DDI penting bagi memperkukuhkan ekonomi negara," katanya.

Pacu ekonomi negara

Anwar berkata, walaupun beberapa kajian telah mengesahkan faedah FDI kepada negara, pemerkasaan pelaburan domestik berkualiti tinggi adalah sama penting dan mesti terus dipermudah dalam memacu ekonomi negara sekali gus mengembangkan struktur rantaian industri, terutamanya pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

"Bagi tahun 2022, sejumlah RM267.7 bilion pelaburan daripada 4,517 projek yang diluluskan daripada pelbagai sektor ekonomi (sektor perkhidmatan,

perkilangan dan utama) di Malaysia yang akan menjana 140,440 peluang pekerjaan.

"DDI menyumbang sebanyak RM104.4 bilion (38.9 peratus) kepada jumlah ini. Manakala bagi suku pertama 2023, nisbah FDI: DDI adalah 52.5 peratus bagi FDI dan 47.5 peratus (DDI), dari komitmen pelaburan berjumlah RM71.4 bilion (peningkatan 59.7 peratus tahun ke tahun.)

"Peningkatan nisbah DDI mencerminkan peningkatan keyakinan syarikat dan perniagaan tempatan terhadap dasar kerajaan semasa," katanya.

Beliau menjelaskan, mesyuarat MPN kedua itu juga antara lain turut membincangkan mekanisme terbaik dalam memperkemas landskap Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) negara menjelang 1 Januari 2024.

"Sehubungan itu, MPN juga memutuskan bahawa Jawatankuasa Koordinasi Pelaburan di antara MITI dan semua IPA akan diaktifkan semula," katanya.